

# PIPP mantapkan pendidikan negara

UM - 17/1/2007

Oleh **HABIBAH OMAR**  
dan **HELMY MOHD FOAD**

**PUTRAJAYA** 16 Jan. - Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dilihat sebagai satu perancangan yang bersifat komprehensif dan holistik bagi memantapkan sistem pendidikan negara ini.

Bekas Ketua Pengarah Pelajaran, **Tan Sri Murad Mohd. Noor** berkata, pelan induk ini menyatakan secara terbuka apa yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

"Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab yang amat besar bagi mereka untuk melaksanakan semua tindakan dengan baik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seorang lagi bekas Ketua Pengarah Pelajaran, **Tan Sri Dr. Wan Zahid Wan Nordin** berkata, pihak yang akan melaksanakan pelan itu selepas ini ialah golongan guru.

"Selepas perancangan ini, orang yang akan laksanakan ialah guru dan dalam masa yang sama kokurikulum juga mesti bagus untuk berjaya," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), **Datuk Reeza Merican Naina Merican** berkata, GPMS menyambut baik pelaksanaan pelan tersebut kerana ia meletakkan pendidikan di tahap tertinggi.

Jelasnya, pelan berkenaan telah mem-

**Pelan tersebut juga memberikan tumpuan kepada soal kesamarataan daripada segi peluang untuk semua lapisan rakyat mendapatkan pendidikan termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman**

**DR. ZAMBRY  
ABDUL KADIR**  
Exco Pelajaran  
Negeri Perak

berikan kesaksamaan dengan memberi peluang kepada masyarakat luar bandar mendapat akses kepada pendidikan tidak kira golongan miskin atau kaya.

"Kita akan mendapat manfaat daripada pelan ini dan GPMS gembira dengannya kerana ia memberikan pengiktirafan pada aspek yang pelbagai kepada golongan pelajar," katanya.

Pelan itu juga katanya, membawa pendemokrasian pendidikan dalam pembangunan modal insan pelajar.

Bagi Exco Pelajaran Negeri Perak, **Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir**, pelan induk tersebut bukan sahaja menekankan soal pencapaian prestasi pelajar malah menumpukan kepada penyediaan tenaga guru yang berkualiti.

"Saya lihat perubahan yang hendak dilakukan juga diberikan kepada aspek keguruan yang merupakan perkara penting dalam pendidikan.

"Apa yang kita harapkan pelaksanaan pelan tersebut perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata, pelan tersebut juga memberikan tumpuan kepada soal kes-

samarataan daripada segi peluang untuk semua lapisan rakyat mendapatkan pendidikan termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

"Usaha untuk mengurangkan jurang pendidikan disebut dalam pelan induk tersebut, inilah yang kita katakan sebagai pendemokrasian pendidikan," tambahnya.